

Nama : _____

Kelas : _____

Hari	:	Isnin	Tarikh :	30 Ogos 2021
Unit 24	:	Tajuk : Program Hari Usahawan Muda	Rujukan	
Kemahiran S.P 3.2.4	:	• Menulis • Menulis teks prosa yang diimlakkan	- Buku rujukan Cemerlang 	
Objektif	:	Saya dapat menulis 5 ayat yang ditebalkan berdasarkan teks dengan ejaan dan tanda baca yang betul.		



- Teks prosa di bawah ini bertajuk **“Program Hari Usahawan Muda”**.
- Baca teks prosa yang diberi dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Pada pagi Sabtu itu, **Sekolah Kebangsaan Seri Siantan telah menganjurkan program Hari Usahawan Muda**. Program itu telah disertai oleh semua persatuan dan kelab di sekolah termasuklah Persatuan Matematik. Sebanyak 35 orang ahli Persatuan Matematik bekerjasama membuka gerai yang menjual air minuman.

Seawal pukul 7:00 pagi, kami tiba di sekolah dan berkumpul di padang. Pengerusi **Persatuan Matematik, Najib Imran telah membahagikan tugas kepada kami. Ada antara kami yang menghias gerai, membancuh air minuman, membuat promosi, dan mengutip kupon.**

Kira-kira pukul 8:00 pagi, gerai kami mula didatangi pengunjung. Kami melayan **mereka dengan mesra**. Rata-rata daripada mereka menggemari air sirap bandung dan cendol. Dua minuman ini cepat habis. Walau bagaimanapun, air cincau, air tembikai susu, air soya, dan air manga turut mendapat sambutan daripada pembeli.

Sementara itu, beberapa orang ahli kami membuat promosi di hadapan gerai. Mereka berteriak sambil menyatakan jenis minuman yang kami jual. Gaya mereka yang bersahaja dan mesra menggamit pengunjung untuk datang ke gerai kami. **Pada pukul 11:00 pagi, jumlah pengunjung yang datang ke gerai kami semakin bertambah. Kami tidak menang tangan melayan mereka. Hasilnya, kami dapat mencapai jumlah kutipan kupon yang tertinggi.**

Keputusan ini diumumkan oleh guru besar, Encik Ridwan Mahmud pada hari perhimpunan, iaitu selang sehari selepas program ini berakhir. Kami berasa bangga akan pencapaian ini. Malahan, kami berasa seronok kerana dapat merasai pengalaman berniaga. Kami akan meningkatkan prestasi dalam penganjuran program ini dua tahun lagi.

Nama : _____

Kelas : _____

Kemudian, imlak ayat yang **ditebalkan** dalam petikan di sebelah ke dalam ruangan jawapan.



Program Hari Usahawan Muda

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____



S.P	Tahap Penguasaan					
3.2.4	1	2	3	4	5	6

Disemak : _____